JOJAPS

eISSN 2504-8457

Journal Online Jaringan Pengajian Seni Bina (JOJAPS)

Inovasi Jaket Kembara sebagai Beg Galas

Nurrul Asmar Binti Azhan, Nor Afizah Binti Jalil & Nur Aishah Binti Zubir

herykalmaiy@gmail.com, fizajalil82@gmail.com, nurecahnur@gmail.com

Abstrak

Penelitian ini dirumuskan dari pemahaman teori *Zimmerer* yang menjelaskan inovasi merupakan solusi kreatif terhadap masalah yang ada. Masalah penelitian yang di kaji adalah reka bentuk jaket yang multifungsi yang sangat diperlukan untuk aktiviti riadah mahupun aktiviti lasak. Dari hasil pemerhatian, penemuan beberapa jaket yang ada dipasaran hanya sekadar pakaian luar yang melindungi badan dan ada yang berfungsi untuk simpanan barangan kecil sahaja. Namun reka bentuk jaket tersebut masih belum sepenuhnya mengatasi masalah yang ada. Berkaitan masalah penelitian ini rekaan hasilan rekabentuk jaket ke beg galas yang lasak dan pelbagai fungsi direka oleh penyelidik sebagai beg serbaguna untuk menyimpan peralatan atau bekalan yang dibawa bagi tujuan aktiviti perkelahan, mendaki gunung dan mengembara. Produk ini bersifat multifungsi dan ergonomik serta dititikberatkan ciri-ciri keselamatan dengan dijahit fabrik pantulan cahaya bagi keselamatan di waktu malam. Material jaket multifungsi adalah daripada fabrik yang kalis air yang boleh dipakai di waktu hujan dan panas mahupun pada waktu malam dan siang kerana fabriknya sangat sesuai untuk tubuh badan.

Kata Kunci :*Jaket, multifungsi, beg galas, inovasi*

Pengenalan

Jaket adalah salah satu jenis produk fesyen pakaian yang direka khusus sebagai pakaian luar. Jaket memiliki ciri khas tersendiri yang berbeza dengan fesyen lainnya yang berfungsi untuk menjaga kondisi tubuh agar tetap stabil dan boleh melindungi tubuh badan daripada pengaruh cuaca yang ekstrim sejuk atau panas dari suasana yang tidak kondusif. Di era inovasi kini permintaan jaket mahu pun jaket berinovasi semakin meningkat sehingga mempengaruhi pasaran dunia. Keperluan pemakaian jaket bukan hanya untuk acara rasmi seperti jaket bagi badan kerajaan tetapi sudah menjadi sebagai stail persalinan pelengkap dalam penampilan diri untuk seharian. Permintaan jaket bagi multifungsi juga semakin kompetitif melalui produksi pakaian yang memberi kegunaan kepada pengguna yang menginginkan penampilan yang berbeza. (Retas, 2018 : 3).

Latar Belakang

Dalam menghadapi dunia mencabar ini manusia memerlukan satu rekaan pakaian yang bukan sahaja boleh menutup tubuh badan dan memberi keselesaan, malah boleh memberi faedah dan fungsi dalam kehidupan manusia itu sendiri. Rekabentuk jaket multifungsi di reka dengan mengabungkan dua fungsi utama. Selain melindungi tubuh badan, jaket ini boleh berfungsi sebagai beg galas yang boleh menyimpan barangan. Kapasiti pemberatan barang yang dibawa tidak melebihi tiga kilo. Bagi golongan pengemar aktiviti luar seperti pendaki, penunggang basikal mahupun penggembara jaket yang di pakai menjadi beg galas adalah menjadi pilihan. Tujuan kajian rekabentuk jaket multifungsi direka sebagai mempermudahkan pengembara melakukan aktiviti luar dan menyimpan barang yang hasilan fungsi jaket ini tidak terpisah diantara satu sama yang lain. Penggembara juga tidak berasa susah untuk membawa jaket ini jika tidak ingin memakainya kerana ia juga boleh diubah menjadi beg galas yang selesa di sandang dibahu dan dalam masa yang sama tidak berisiko untuk tertiggal jaket. Menurut buku *Picken Marry* Edisi 2 (2018:185) jaket memiliki lengan dan dapat dilipat dan dikecilkan menjadi lengan pendek dan ia juga boleh dilaraskan pada bahagian pinggang, lebih ringgan, lebih ketat dan tidak terlalu tebal. Ini bermaksud penyelidik mendapati jaket boleh di reka menjadi

sesuatu fungsi yang terkini jika jaket diolah dengan teknikal pola yang sesuai. Lengan jaket juga mempunyai fungsi jika kita pandai mengolah.

Pernyataan Masalah

Kajian ini dikaji melalui permasalahan yang berlaku kepada penggemar aktiviti luar terutama penggembara yang ingin melindungi tubuh dari hujan dan panas. Pemakaian jaket adalah satu kemestian untuk keselamatan tubuh badan. Namun dalam masa yang sama penggemar penggembara juga ingin memaksimakan kuantiti pemakaian atau barangan yang dibawa untuk kelancaran beraktiviti. Dalam kajian aktiviti kembara, menggunakan pakaian ini boleh ditransformasi sebagai beg galas bagi memudahkan penggembara untuk beraktiviti.

Batasan Masalah

Masalah yang dikaji dalam kajian ini adalah :
Kajian 1. Responden adalah dalam lingkungan usia 18 tahun hingga 30 tahun. Kajian 2: Produk adalah gabungan jaket dan beg galas.

Signifikan Kajian

Penelitian ini dirumuskan dari pemahaman teori Zimmerer yang menjelaskan inovasi merupakan solusi kreatif terhadap masalah yang ada. Masalah penelitian yang di kaji adalah reka bentuk jaket yang multifungsi yang sangat diperlukan untuk aktiviti riadah mahupun aktiviti lasak. Tujahannya adalah untuk penghasilan rekabentuk jaket yang dapat bertransformasi menjadi beg galas. Hasil rekabentuk dan penyelidikan dapat dipasarkan kepada pengguna bukan sahaja untuk aktiviti riadah malah boleh untuk berkasual.

Objektif

Kajian ini berteraskan objektif berikut:

1. Merekabentuk inovasi jaket yang merangkumi aspek estatik, material dan teknik serta boleh diubah kepada beg galas.
2. Memfabrikasi jaket multifungsi sebagai sistem keselamatan kepada pengguna.
3. Menganalisis keberkesanan rekabentuk jaket ke beg galas.

Rajah 1 : Model Teori Pemahaman Zimmer (1998)

i. Analisis Permasalahan

Dalam menggeluarkan sesuatu produk inovasi yang multifungsi memahami kerakteristik material kajian adalah sangat penting. Reka bentuk jaket bagi kategori kembara atau aktiviti lasak dikenalpasti bagi memenuhi keperluan kajian. Proses penentuan kekuatan fabrik, reka bentuk atau pola jaket ke beg galas, teknik cantuman dan fungsi di sesuaikan dengan karekter remaja mengikut target kajian berumur 18 tahun hingga 30 tahun.

ii. Strategi Penyelesaian Permasalahan

a. Kajian pada Fabrik

Strategi penyelesaian masalah adalah mengkaji fabrik bagi menentukan fabrik yang di pilih adalah kalis air, kalis renyuk dan kalis koyak. Kajian dibuat dengan mengambil sampel fabrik dan membuat uji kaji dengan mengambil setengah meter fabrik dan menggunting menjadi empat segi 5 x 5 inci.

b. Kajian bagi pembuatan pola Jaket ke Beg Galas

Kajian terhadap pembuatan pola jaket ke Beg Galas yang multifungsi yang boleh menyimpan barangan untuk di bawa semasa aktiviti kembara. Fabrik kajian di gunting mengikut pola yang telah disiapkan bagi memastikan fabrik boleh dilipat mahupun di pusingkan supaya dapat di bentuk menjadi Beg Galas.

c. Menjahit Bahan kajian dari Jaket ke Beg Galas

Proses pembuatan jaket ke beg galas meliputi pembuatan pola, pengguntiggan fabrik mengikut pola dan akhirnya adalah proses menjahit fabrik dan pencantuman pola-pola jaket. Konsep cantuman ini sangat unik dimana dijahit sehingga produk yang dihasilkan menjadi jaket dapat dimasukkan ke dalam beg galas dan beg galas juga boleh dimasukkan ke dalam jaket. kedua-duanya berfungsi dengan sempurna.

iii. Data *Snowball Sampling*

Pemilihan data kajian adalah melalui kaedah snowball sampling, seperti yang disarankan oleh Creswell, (2012:209) In the certain situations, you may not know the best people to study because of the unfamiliarity of the topic or the complexity of event. As in quantitative research, qualitative snowball sampling is a form of purposeful sampling that typically proceeds after a study begin and occurs when the researcher ask participants to recommend other individual to be sampled. Researches may pose this request as a question during an interview or through informal conversations with individuals at a research site. (Creswell, 2012:209). Kaedah pengumpulan data melalui snowball sampling adalah mengikut proses pembuatan pola jaket kembara ke beg galas. Reka bentuk jaket dan stail dikumpulkan dengan visual dan lukisan teknikal bagi dapatan yang jelas untuk hasilan produk. Keseluruhan proses kajian di rekodkan supaya proses kajian jaket ke beg galas multifungsi dapat di terangkan dengan sempurna. Teknik penggumpulan data juga dibuat dengan mengkaji literature, kajian visual dan merekod proses pembuatan. Sumber berikut dibuat untuk memperkuatkan data yang sedia ada. Jaket multifungsi dirancang dengan menggunakan fabrik elastic atau listrik kerana fabrik ini sangat sesuai untuk jaket bagi aktiviti luar. Fabrik listrik ini tidak berbulu dan mudah di cantum. Fabrik pantulan cahaya di gunakan dan dicantum bagi tujuan keselamatan pemakai.

Perbezaan antara Jaket Pasaran dan Jaket Inovasi

Rajah 2 : Jaket di pasaran yang hanya 1 fungsi sebagai pakaian luar yang melindungi tubuh badan

Rajah 3 : Jaket Kembara yang mempunyai 2 fungsi sebagai pakaian luar yang melindungi tubuh badan dan menjadi beg galas untuk menyimpan barang.

Rajah 4 : Komponen dan bahan yang digunakan pada Jaket Kembara

Rajah 5 : Pandangan hadapan dan belakang Jaket Kembara

Rajah 6 : Jaket Kembara ke beg galas

Hasil Kajian

I. Deskripsi kajian

Pada penelitian ini fabrik listrik sangat sesuai untuk jaket bagi tujuan aktiviti luar. Fabrik ini dikaji dengan teliti supaya pembuatan jaket ke beg galas terhasil. Gambarajah dibawah menunjukkan pemakaian jaket kembara menjadi beg galas.

Bil	Produk Hasilan	Reka Bentuk dan stail	Lukisan Teknikal
1.		Reka bentuk jaket pandangan hadapan yang menggabungkan warna biru dan merah. Mempunyai poket di kedua belah kiri dan kanan dengan fabrik warna putih Mempunyai zip ditengah badan untuk pembukaan.	
	 Pandangan Hadapan		

2.

Pandangan Belakang

Reka bentuk jaket pandangan belakang yang menggabungkan warna biru dan merah.

Mempunyai *hoody* bagi keselamatan kepala.

Mengabungkan fabrik pantulan cahaya bagi keselamatan pada waktu malam

3.

Pandangan jaket apabila tidak dipakai untuk menghasilkan beg galas.

Zip dinaikkan bagi menutup keseluruhan jaket.

Gabungan fabrik listrik dan fabrik match fabrik untuk ruang udara dan gabungan pocket.

4.

Pandangan depan

Pola lengan jaket di jadikan sebagai tali untuk menampung bebanan barangan

Pandangan sisi

Reka bentuk jaket yang telah di sambungkan mengadi beg galas.

Jangkaan Impak

Rekaan jaket multifungsi ini boleh menjadi salah satu pemangkin kepada penghasilan lebih banyak produk berasaskan kemahiran TVET dan mencorak persaingan dalam melahirkan idea baru. Penghasilan jaket multifungsi menggabungkan dua bahagian utama iaitu prinsip rekabentuk fesyen yang mengambilkira pelbagai aspek inovasi dan fungsi. Fokus yang diberikan dalam rekabentuk fesyen pakaian iaitu jaket multifungsi yang digabungkan dengan sistem kebolehfungsiannya yang tidak terhad kepada penggemar kembara malah dapat meningkatkan potensi komersial.

Kesimpulan

Kajian dapat dipaparkan dengan data *snowball sampling*, melalui proses daripada mengkaji bahan material, pembuatan pola serta proses menjahit sehingga tercipta inovasi jaket menjadi bag galas untuk aktiviti kembara. Hasilan kajian dapat di simpulkan bahawa jaket multifungsi ini adalah produk yang unik yang boleh membantu pengguna untuk menyimpan barang. Ciri-ciri keselesaan dan juga keselamatan diterapkan bagi memenuhi keperluan pemakai. Idea jaket menjadi beg galas ini di cipta adalah dari permasalahan dan kehendak yang di buat oleh penyelidik sendiri. Proses idea ini juga dapat memberi satu reka bentuk jaket yang berbeza dari produk jaket yang lain dan diharapkan sebagai pelengkap fesyen yang menjadi altarnatif di bidang rekaan khusus untuk pengguna yang memerlukan produk yang multifungsi.

Rujukan

Adair,J (1996). Effective Innovation. How to stay Ahead of the Competition. London: Pan Book

Chatib, W.1981. Teori penyempurnaan Tekstil 2. Jakarta : Department Pendidikan dan Kebudayaan.

M. Sitbon, S Gadelovits and A Kuperman. Multi Output Portable. 7th IET International Conference 2014

Srivasta,S & Barret , F,J (1998). The Transforming Nature of Mataphors in Group Development: A study in Group Theory . Human Relaltion, 41, 1 31-64.